



UTM laksana penstrukturan semula entiti akademik

Oleh **Omar Ahmad** - Oktober 1, 2022 @ 12:07pm
bhnews@bh.com.my



Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

JOHOR BAHRU: Universiti Teknologi Malaysia (UTM) melaksanakan penstrukturan semula entiti akademik bagi kelestarian bidang tujahan universiti berkuat kuasa hari ini.

Menerusi satu kenyataan yang dikeluarkan Pejabat Strategi dan Hal Ehwal Korporat UTM, penstrukturan itu membabitkan dua entiti utama, iaitu Fakulti Kejuruteraan dan Azman Hashim International Business School.

Katanya, kelestarian bidang ini adalah untuk memastikan keutuhan kepakaran universiti mampu membangun bakat universiti yang holistik dan mampu Mensejahtera Kehidupan Menerusi Ilmu dan Inovasi Teknologi.

"Pada masa sama, penstrukturan ini menyokong Pelan Strategik enVision UTM 2025.

"UTM melalui kelulusan Senat Universiti dan Lembaga Pengarah Universiti telah meluluskan penstrukturan semula dua entiti akademiknya berkuat kuasa hari ini.

"Penstrukturan semula entiti akademik baharu ini, tidak akan menjejaskan pelaksanaan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) mahupun aktiviti penyelidikan pelajar. UTM juga optimistik dengan penstrukturan ini yang akan memposisikan universiti sebagai institusi unggul dan tersohor berteraskan Sains, Teknologi dan Kejuruteraan di peringkat global," katanya.

Menurut kenyataan itu, Penstrukturan Semula Fakulti Kejuruteraan membabitkan Sekolah Kejuruteraan Awam (SKA) yang kini dikenali sebagai Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA), Sekolah Kejuruteraan Mekanikal (SKA) kini Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Sekolah Kejuruteraan Elektrik (SKE) kini Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM).

Turut terbabit Sekolah Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga (SKT) kini Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga (FKT), Sekolah Komputeran (SK) kini Fakulti Komputeran (FK), manakala Sekolah Kejuruteraan Bioperubatan dan Sains Kesihatan (SKBSK) distruktur semula sebagai jabatan di bawah Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE).

"Bagi penstrukturan semula Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim (AHIBS) dan Penubuhan Fakulti Pengurusan UTM pula membabitkan, Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim (AHIBS KL), UTM Kuala Lumpur (kekal).

"Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim (AHIBS JB), UTM Johor Bahru kini dikenali sebagai Fakulti Pengurusan (FP).

"Bermula hari ini, senarai penuh Fakulti di UTM di Johor Bahru adalah Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga (FKT), Fakulti Komputeran (FC), Fakulti Sains (FS), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU) serta Fakulti Pengurusan (FP).

"Bagi senarai penuh fakulti di UTM Kuala Lumpur pula ialah Fakulti Teknologi dan Informatik Razak (FTIR), Malaysian-Japan International Institute of Technology (MJIIT) dan Azman Hasim International Business School (AHIBS)," kata kenyataan itu.